

KANAK-KANAK & SEKSUAL

Di mana silap kita sebagai IBU BAPA?

Kanak-kanak adalah insan yang amat memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada golongan dewasa. Mereka secara dasarnya langsung tidak pernah memahami akan situasi dan masalah yang berlaku di dalam kehidupan kita. Mereka membesar dengan kehidupan dan ilmu pengetahuan yang hanya diberikan oleh ibu bapa serta sanak-saudara di rumah juga masyarakat sekeliling. Selain didikan ini, pemerhatian mereka kepada alam dan masyarakat sekeliling itulah yang menjadi titik mula mereka mengenal dunia. Itulah permulaan hidup mereka yang indah dan penuh warna-warni.

Namun 'warna-warni' itu boleh bertukar warna yang hodoh dan menyeramkan apabila pelbagai ragam kes dan tragedi melibatkan kanak-kanak hari ini. Malah mereka ini masih di bawah umur! Saban hari, kita sering dikejutkan dengan pelbagai kes yang melibatkan jenayah seks terhadap kanak-kanak. Daripada kes mencabul kanak-kanak, perbuatan sumbang mahram seperti bapa merogol anak sendiri yang masih kecil dan tidak berdosa, hingga kepada rogol lalu membunuh mangsa yang tidak berdaya, masalah yang disebabkan oleh gejala fidiifia dilihat semakin membimbangkan. Adakah wajar mereka menerima semua ini?

Lebih mengejutkan apabila pelbagai kes berkaitan seksual di kalangan kanak-kanak ini berlaku tanpa mereka sedar apakah kesannya di kemudian hari! Dalam jangka masa panjang, ia boleh mengganggu perkembangan fizikal dan emosi serta tingkah laku kanak-kanak tersebut. Kesan utama melalui saat trauma mungkin akan kekal sepanjang hayat dan membawa kesan negatif dalam kehidupan sehari-hari.

Pada Julai lalu, David Harding menerusi New York Daily News melaporkan seorang kanak-kanak Brazil berusia 10 tahun hampir melahirkan anaknya di sekolah. Dia yang mengadu sakit perut sebenarnya berada di peringkat akhir proses melahirkan. Menurut laporan dari Metro.co.uk pula, seorang kanak-kanak dipercayai hamil selepas dirogol oleh bapa tirinya yang berusia 40 tahun!

Namun lebih menggemparkan apabila kanak-kanak di negara kita sendiri melalui tragedi yang sama. Pada Ogos lalu, seorang kanak-kanak

berusia 11 tahun mengejutkan seluruh tanah air apabila melahirkan seorang bayi lelaki di Jempol, Negeri Sembilan. Lebih mengejutkan, status kanak-kanak terbabit masih bersekolah dan belum berkahwin.

Tidak hanya di Jempol, kes di Kuantan turut membabitkan kes serupa apabila kanak-kanak yang juga berusia 11 tahun melahirkan seorang bayi lelaki di Pusat Bersalin Risiko Rendah, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan hasil perbuatan terlarangnya bersama lelaki berusia 22 tahun.

Kejadian ini nyata membuka mata banyak pihak. Pelbagai andaian dan persepsi dilontarkan melalui pelbagai medium. Soalnya mengapa masalah seumpama ini yang suatu ketika dulu hanya terjadi di luar negara, kini berlaku di negara kita? Sama ada kelahiran ini berdasarkan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol, diperlakukan sewenang-wenangnya oleh manusia bernama lelaki atau kanak-kanak itu sendiri yang tidak cukup ilmu menyerahkan tubuh badan mereka tanpa mereka ketahui bahawa mereka sebenarnya perlu mengelakkan diri daripada pelbagai perkara yang boleh membinasakan diri mereka sendiri.

Siasatan oleh Pertubuhan Pemerkasaan Wanita Malaysia (MyWomen), sebuah badan bukan kerajaan mendapati statistik direkodkan oleh sebuah hospital awam di Klang menyaksikan hampir 12,000 atau 14 peratus bayi dilahirkan setiap tahun oleh remaja bawah umur yang rata-ratanya belum berkahwin. Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mengklasifikasikan kes melibatkan kanak-kanak ini tergolong sebagai kes penderaan kanak-kanak yang mana ia merujuk bukan hanya kepada kecederaan fizikal atau emosi mahupun penganiayaan seksual tetapi juga melibatkan pemerkosaan atau rogol.

Ibu bapa Pemegang Peranan

Adakah kanak-kanak hari ini terlalu terdedah kepada media sosial tanpa sempadan atau silap ibu bapa yang tidak langsung menyekat dan mengambil tahu akan kisah anak mereka? Apabila merungkil permasalahan anak-anak, ibu bapa harus bertanya kepada diri sendiri.

Menurut Pakar Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja, Profesor Mohd Khaidzir

Siasatan oleh Pertubuhan Pemerkasaan Wanita Malaysia (MyWomen), sebuah badan bukan kerajaan mendapati statistik direkodkan oleh sebuah hospital awam di Klang menyaksikan hampir 12,000 atau 14 peratus bayi dilahirkan setiap tahun oleh remaja bawah umur yang rata-ratanya belum berkahwin.

Ismail, secara lahiriahnya manusia sejak kecil sememangnya dilahirkan dengan naluri seksual yang sudah memang sedia ada di dalam diri masing-masing. Namun apabila disogok dengan pelbagai medium misalnya video, gambar dan cerita-cerita yang membangkitkan nafsu, gelojak jiwa ini terbangkit dengan sendirinya. Tambah buruk lagi apabila tiadanya sebarang sekatan dan pantauan daripada ibu bapa. Inilah yang terjadi kepada kanak-kanak hari ini.

Ustaz Mohd Fikri Hussain, Pendakwah bebas, turut bersetuju bahawa internet dan laman sosial seperti facebook dan whatsapp adalah jalan paling mudah untuk kanak-kanak terdedah kepada salah laku seks serta kemaksiatan.

Menurutnya lagi, anak-anak hari ini boleh menghantar bahan berusur lucah kepada rakan-rakan mereka dengan hanya satu klik sahaja dan ia terus tersebar begitu sahaja. Jadi, ibubapa serta penjaga perlu memantau setiap bahan bacaan dari laman sosial yang diikuti oleh anak-anaknya bagi membanteras gejala ini dari terus menular.

Dalam konteks ini, peranan ibubapa jelas diperlihatkan sebagai pemegang tanggungjawab terbesar untuk menyekat dan mendidik anak baik dan buruknya semua masalah yang melibatkan media sosial ini.

Sebagai ibu bapa, andalah yang harus menyekat dan memantau setiap kali anak anda memegang 'telefon' atau

menonton televisyen. Pilih dan sekatlah apa sahaja saluran yang membolehkan mereka terpesong. Tiada salahnya pendidikan seks kepada mereka, namun berpada-pada dan sebaiknya cubalah memberikan pendidikan seks paling positif untuk mereka. Ibu bapa sendiri seharusnya melengkapkan diri mereka dengan ilmu agama sebaiknya sebelum bersedia mempunyai anak. Bimbingan dan asas agama itu adalah jalan sebaik-baiknya dalam konteks pendidikan hari ini.

Dalam menghadapi anak-anak yang semakin meningkat remaja, ibubapa dinasihatkan agar cuba menjadikan anak-anak seperti kawan dan sebaiknya cuba menjadikan mereka cukup rapat untuk berkongsi segala cerita. Ini membolehkan anak-anak bersikap lebih terbuka dalam segala hal, meninjau usia antara 7 hingga 15 tahun, anak-anak perlu ditanam dengan nilai disiplin dan tanggungjawab. Mereka seharusnya diberikan asuhan dan didikan yang lebih tegas namun penuh kasih sayang.

Walaupun menjadikan mereka seperti kawan, namun hukuman perlu diberikan jika mereka mengabaikan tanggungjawab yang diberikan. Pada usia ini juga, asas agama iaitu mengabaikan solat dilihat sebagai kunci kepada permasalahan hari ini. Dendahl mereka sekiranya mereka tidak bersolat yang menjadi tunjang utama kekuatan jiwa setiap manusia. Tidak sekadar itu sahaja, ibubapa seharusnya lebih peka siapa rakan-rakan terapatnya atau dengan siapa mereka berkawan. Ambil berat sekiranya anak anda melihatkan perubahan yang pelik apabila dia berkawan dengan seseorang.

Sesekali periksalah telefon mahupun beg sekolahnya atau juga mengadakan siasatan mengejut pada barang milik peribadinya. Ini penting bagi mengetahui sebarang perubahan dan perkembangan sehari-hari.

Walaupun adanya Akta Perlindungan Kanak-Kanak, khusus untuk membela nasib mereka, ibu bapa tetap diberikan tanggungjawab yang lebih besar untuk memberikan informasi sebaiknya mengenai pentingnya menjaga kehormatan diri daripada sewenang-wenangnya dengan mudah bergaul bebas tanpa batas di samping menjaga batas-batas antara lelaki dan wanita, k

Citra: Siti Romlah Marnid, Zaitun Abdul Manaf, Khairum Hala Latak & Rosnah Niky Abu Samah

Cine - Sex cine

18-90-95

